

MyGDI NEWSLETTER

Malaysia Geospatial Data Infrastructure

■ Edisi No. 3

■ Oktober 2016

■ www.mygeoportal.gov.my

■ facebook.com/mygeoportal

ISI KANDUNGAN

SIMPOSIUM MAKLUMAT GEOSPATIAL KEBANGSAAN (NGIS) KE-7 MELABUHKAN TIRAI DENGAN JAYANYA
Halaman 1

APLIKASI MyGOS DIKTIKRAF DI PERSADA ANTARABANGSA
Halaman 2

LAWATAN KERJA PESERTA MALYSIAN TECHNICAL COOPERATION PROGRAMME (MTCP), INSTUN KE NRE
Halaman 3

LAWATAN AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN (AADK) KE MaCGDI
Halaman 4

PAMERAN SEMPERNA MAJLIS PRAPELANCARAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA 2016
Halaman 5

10 FAKTA MENARIK MENGENAI MyGOS
Halaman 6



► SIMPOSIUM MAKLUMAT GEOSPATIAL KEBANGSAAN (NGIS) KE-7 MELABUHKAN TIRAI DENGAN JAYANYA



PUTRAJAYA, 8-9 Ogos - Simposium Maklumat Geospasial Kebangsaan (NGIS) Ke-7 anjuran Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MaCGDI), Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) telah menjadi satu lagi tanda aras kecemerlangan

kepada Kementerian kerana berjaya mengumpulkan lebih daripada 800 orang peserta di simposium geospasial ini.

Simposium ini dianjurkan dengan kolaborasi Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) selaku penganjur bersama. Simposium anjuran dwitahunan pada kali ini membawa tema "Merakyatkan Geospasial ke Arah Kesejahteraan" dan telah dirasmikan oleh YB Datuk Ir Haji Hamim bin Samuri, Timbalan Menteri NRE.

Berlangsung selama dua (2) hari, simposium ini diisi dengan pengisian seperti pelancaran aplikasi 1Malaysia Map dan MyGOS, penyampaian Anugerah Geospasial Kebangsaan (AGK), penyampaian hadiah Pertandingan Melukis Poster Sekolah Menengah, pembentangan kertas-kertas kerja aplikasi geospasial, sesi perbincangan panel, pavilion atau klinik MyGDI serta penyertaan 23 agensi awam dan swasta sempena pameran teknologi geospasial.

Objektif utama simposium ini adalah untuk menyediakan platform bagi membincangkan isu-isu terkini berkaitan teknologi dan maklumat geospasial, merealisasikan misi kerajaan ke arah kecemerlangan pengurusan maklumat geospasial dalam pelbagai sektor serta merakyatkan geospasial melalui perkongsian dan penyampaian perkhidmatan kerajaan. NGIS berikutnya iaitu NGIS Ke-8 dijangka akan diadakan pada tahun 2018.

► APLIKASI MyGOS DIKITIRAF DI PERSADA ANTARABANGSA

PUTRAJAYA, 1 Julai - Salah satu aplikasi MyGDI iaitu *Malaysia Geospatial Online Services* (MyGOS) yang diterajui oleh MaCGDI telah diiktiraf di peringkat antarabangsa apabila memenangi satu anugerah yang dinamakan Anugerah SAG - *Special Achievement in GIS (SAG) award*. MyGOS ialah aplikasi yang digunakan sebagai platform perkongsian di kalangan agensi kerajaan untuk menyampaikan maklumat geospasial secara langsung kepada agensi lain serta membantu dalam membuat keputusan cepat dan terkini.

Anugerah antarabangsa ini telah diumumkan oleh Encik Jack Dangermond, Pengasas dan Presiden syarikat Esri di *Esri International User Conference 2016* bertempat di San Diego, California pada Julai lepas.




MaCGDI telah dipilih sebagai salah satu penerima anugerah SAG ini di kalangan 350,000 agensi kerajaan dan swasta yang telah dicalonkan dari seluruh dunia. Anugerah SAG diwujudkan oleh syarikat Esri sebagai mengiktiraf inovasi dalam penggunaan Sistem Maklumat Geografi (GIS) bagi menyelesaikan isu dan cabaran semasa.

MyGOS, sejak penubuhannya, telah banyak membantu pelbagai agensi kerajaan dalam perkongsian data geospasial mereka. Salah satu agensi yang telah menggunakan aplikasi ini ialah Jabatan Kerja Raya (JKR) yang memantau keadaan jalan rosak dan memerlukan penyeliaan atau penyelenggaraan.

Selain itu, MyGOS pernah digunakan di dalam operasi bantuan banjir yang berlaku di Cameron Highlands dan di Kelantan pada tahun 2014 dengan menyediakan platform pengumpulan dan perkongsian maklumat berkenaan kawasan yang terjejas dan memaparkan informasi yang terkini kepada pasukan bantuan untuk menumpukan operasi di kawasan tertentu. MyGOS juga membantu Pusat Hidrografi Nasional untuk perkongsian *Spatial Data Infrastructure (SDI)* maritim kepada komuniti pasukan tentera laut tanpa membangunkan apa-apa perisian sendiri.

MyGOS kini menjadi satu platform perkongsian data geospasial oleh pihak Kerajaan. Tambahan pula, data geospasial yang diperkenalkan diyakini dapat menyokong pertumbuhan ekonomi, sosial serta alam sekitar. Melalui

MyGOS, MaCGDI dapat mengembangkan lagi penggunaan Sistem Maklumat Geografi (GIS) kepada pelbagai agensi dan anugerah ini telah menjadikan MaCGDI lebih bermotivasi untuk meningkatkan usaha mempromosi kesedaran geospasial di seluruh pelusuk negara.



- ◆ Diterajui bermula pada tahun 2014, MyGOS membantu penyelarasan dan pengumpulan data geospasial di semua peringkat Kerajaan. MyGOS berfungsi sebagai portal yang berasaskan web dan menyokong kepada penjimatan serta akses yang cepat kepada maklumat terkini. MyGOS boleh dilayari di <https://mygos.mygeoportal.gov.my/mygos>.

► LAWATAN KERJA PESERTA *MALAYSIAN TECHNICAL COOPERATION PROGRAMME (MTCP)*, INSTUN KE NRE

PUTRAJAYA, 17 Ogos - Peserta Kursus Malaysian Technical Cooperation Program (MTCP) bertemakan *Roles & Contributions of Land Administration in Malaysian Development* yang berlangsung dari 14 hingga 28 Ogos 2016, di bawah anjuran Institut Latihan Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) telah mengadakan lawatan kerja ke Kementerian Sumber Asli & Alam Sekitar (NRE) pada 17 Ogos 2016. Lawatan kerja ini diketuai oleh Encik Mohd Ashraf bin Mohd Nor, Pengarah INSTUN dan diiringi oleh 10 orang pegawai INSTUN.

Lawatan kerja ini merupakan salah satu agenda kursus dan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para peserta berkaitan aktiviti NRE di Malaysia. YBhg. Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya, TKSU Sumber Asli NRE telah mempengerusikan lawatan kerja ini dan diiringi oleh beberapa pegawai pengurusan NRE yang terdiri dari Bahagian Tanah, Ukur dan Pemetaan (BTUP), Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) serta Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MaCGDI).

Para peserta telah diberikan penerangan berkaitan NRE melalui tayangan video, pembentangan Computerized Land Registration System (CLRS) oleh JKPTG dan pembentangan MyGDI oleh MaCGDI.

Seramai 17 orang peserta kursus yang hadir dari pelbagai buah negara yang terdiri daripada Azerbaijan, Brunei, Maldives, Mongolia, Myanmar, Pakistan, Solomon Islands, Sri Lanka, Tanzania, Vietnam dan Zambia turut berkongsi pengalaman mereka mengenai perkembangan aktiviti pengurusan tanah dan geospasial di negara mereka.

Lawatan kerja sebegini diharap dapat memberi ruang idea kepada pelbagai pihak sama ada dari dalam mahupun di luar negara untuk meningkatkan kerjasama dan pertukaran idea bagi mewujudkan kesejahteraan bersama. Seterusnya, lawatan diakhiri dengan sesi fotografi dan penyampaian cenderamata pihak delegasi lawatan dengan NRE sebagai tanda kenangan.



- ◆ MaCGDI pernah menerima delegasi lawatan MTCP, INSTUN pada 9 September 2015. Pada masa tersebut, program MTCP adalah bertemakan *Survey and Mapping Practices*.

► LAWATAN AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN (AADK) KE MaCGDI

PUTRAJAYA, 22 September - Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MaCGDI) telah menerima kunjungan lawatan dari Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) pada 22 September 2016. AADK melalui Bahagian Teknologi Maklumat & Komunikasi (BTMK), sedang merancang untuk membangunkan aplikasi pemetaannya sendiri. Sehubungan dengan itu, AADK mengadakan lawatan ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat lanjut dan pendedahan mengenai pengoperasian, pencapaian dan perkhidmatan MaCGDI yang boleh membantu mereka.

Lawatan AADK yang diketuai oleh Puan Lilian Lou Yang Cheng, Pengarah BTMK AADK telah disambut mesra oleh Puan Norbaiyah binti Sukor, Timbalan Pengarah Cawangan Khidmat ICT, MaCGDI bersama pegawai-pegawai MaCGDI yang lain.

Salah satu agenda bagi lawatan ini adalah tayangan video NRE, pembentangan latar belakang MaCGDI dan MyGDI serta pembentangan 1Malaysia Map dan MyGOS. Puan Lilian selaku wakil dari AADK melahirkan rasa sukacita dan berterima kasih di atas kesudian pihak MaCGDI menerima lawatan daripada pihak beliau. Ianya merupakan satu titik permulaan perhubungan dua hala antara AADK dan MaCGDI memandangkan beliau juga baru dilantik untuk menerajui BTMK AADK. Harapan beliau agar hubungan baik antara kedua-dua agensi dapat diperkukuhkan dan saling ditambah baik agar perkhidmatan yang diuruskan sentiasa bermanfaat kepada negara dan rakyat.

Lawatan ini diakhiri dengan sesi penyampaian cenderamata dan fotografi antara pihak MaCGDI dengan AADK sebagai tanda kenangan. Pertemuan kedua-dua pihak ini dirancang akan diteruskan lagi dengan khidmat runding dan latihan berkaitan aplikasi MyGDI oleh MaCGDI.



- ◆ AADK adalah agensi yang diletakkan di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN). BTMK AADK pula berada di bawah sektor pengurusan yang menyediakan perkhidmatan sokongan ICT kepada warga AADK seperti permohonan semakan rekod penagihan dadah bagi agensi/jabatan kerajaan, permohonan statistik klien, permohonan hebahan program/maklumat di laman web dan sebagainya.

► PAMERAN SEMPENA MAJLIS PRAPELANCARAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA 2016

JOHOR DARUL TA'ZIM, 25 September - Pada tanggal 25 September 2016 yang lalu, satu Majlis Prapelanaran Hari Alam Sekitar Negara 2016 telah diadakan di Dewan Transformasi, Sek. Men. Keb. Tun Mamat, Tangkak, Johor Darul Ta'zim. Majlis prapelanaran ini telah dianjurkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan telah disempurnakan oleh YB Datuk Ir Haji Hamim bin Samuri, Timbalan Menteri NRE. Hari Alam Sekitar Negara pada tahun ini akan disambut pada 22 Oktober 2016.

Majlis perasmian turut dihadiri oleh Yang DiPertua Majlis Daerah Tangkak, YBhg. Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia, YBrs. SUB Kanan NRE, serta Ketua-ketua Pengarah Jabatan yang berkaitan. Puan Hajah Norizam binti Che Noh, selaku Pengarah MaCGDI juga tidak ketinggalan untuk memberi sokongan sepenuhnya kepada majlis prapelanaran ini bersama-sama pasukan pameran MaCGDI.

Sambutan Hari Alam Sekitar pada tahun ini bertemakan "Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama" melambangkan tanggungjawab menjaga alam sekitar tidak tertakluk kepada kerajaan sahaja, bahkan kepada masyarakat yang terdiri dari pelbagai lapisan umur dan bangsa.

Pelbagai aktiviti telah diadakan pada majlis prapelanaran ini seperti Majlis Penyerahan Sijil Lantikan Kontraktor E-Waste Kawasan Ledang/Tangkak, Majlis Menandatangani MoU Rakan Strategik Program Kesedaran Alam Sekitar serta aktiviti menanam pokok bersama YB Timbalan Menteri NRE. Pihak MaCGDI telah dijemput sebagai salah satu pempamer di majlis ini.



Semasa lawatan di booth MaCGDI, YB Timbalan Menteri NRE sendiri telah menekankan fungsi dan tugas MaCGDI sebagai salah satu bahagian di bawah NRE yang berperanan sebagai penyelaras maklumat geospasial negara kepada VIP yang mengiringi beliau. Maklumat geospasial kawasan Ledang/Tangkak juga telah disampaikan kepada VIP dan orang ramai melalui aplikasi 1Malaysia Map dan MyGOS yang menunjukkan bahawa MaCGDI membantu dalam menyediakan maklumat geospasial bagi kawasan parlimen yang dipimpin oleh YB Timbalan Menteri.

Penyertaan pameran selama satu (1) hari ini telah memberi peluang kepada pihak MaCGDI dalam mempromosi aktiviti geospasial kepada umum terutamanya warga Tangkak yang hadir, terdiri daripada pemimpin masyarakat, penjawat awam, Penghulu, Ketua Kampung serta guru-guru dan pelajar sekolah.



- ◆ Warga Tangkak yang mengunjungi *booth* pameran MaCGDI melahirkan rasa minat dan teruja terhadap geospasial apabila melihat sendiri paparan peta Ledang dan aplikasi 1Malaysia Map serta MyGOS yang melibatkan kawasan mereka.

► 10 FAKTA MENARIK MENGENAI MyGOS



- 1 MyGOS ialah singkatan untuk Malaysian Geospatial Online Services.
- 2 Dibangunkan pada tahun 2014.
- 3 Aplikasi pemetaan dapat dibangunkan dalam masa yang singkat dengan menggunakan templat aplikasi sedia ada (bergantung ketersediaan data).
- 4 Maklumat yang disimpan boleh diakses melalui pelayar web, tablet dan telefon pintar pada bila-bila masa, di mana jua.
- 5 *Base map* sudah tersedia untuk membantu pengguna MyGOS seperti ESRI, Bing Maps, HERE dan TM Smart Map.
- 6 MyGOS telah menerima pengiktirafan antarabangsa dengan anugerah SAG - *Special Achievement in GIS* oleh ESRI.
- 7 Aplikasi Story Map di dalam MyGOS bukan sekadar memaparkan maklumat sesuatu lokasi di dalam bentuk peta, tetapi juga dalam bentuk penceritaan bergambar yang lebih interaktif dan berinformatif.
- 8 Paparan *operation dashboard* di dalam MyGOS membolehkan pihak eksekutif memantau aktiviti, melihat status, laporan statistik dan prestasi agensi setiap masa.
- 9 MyGOS adalah satu platform perkongsian maklumat yang terhad dan sulit dalam persekitaran yang selamat dan terjamin.
- 10 MyGOS berupaya membahagikan perkongsian mengikut kumpulan, individu, agensi dan mempunyai peringkat tahap capaian secara pentadbir atau pengguna mengikut kesesuaian agensi.

Diterbitkan oleh:

PUSAT INFRASTRUKTUR DATA GEOSPATIAL NEGARA (MaCGDI),

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR,

ARAS 7 & 8, WISMA SUMBER ASLI,

NO. 25, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4,

PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,

62574 PUTRAJAYA.

TEL: 03 - 8886 1156

FAX: 03 - 8889 4851

Website: www.mygeoportals.gov.my

